

04 JUL 2000

PAS BAGI KOMITMEN UNTUK SAMBUTAN KEMERDEKAAN

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Kelantan dan Terengganu, dua buah negeri yang diperintah PAS, memberikan komitmen masing-masing untuk menyambut perayaan Bulan Kemerdekaan yang akan mula digerakkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mulai 17 Ogos depan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini berterima kasih kepada kedua-dua buah kerajaan negeri berkenaan kerana ingin turut serta menjayakan sambutan itu.

"Kita juga akan menjemput semua pemimpin pembangkang untuk turut membabitkan diri dalam sambutan itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penerangan dan Perpaduan perayaan itu yang turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dan tokoh media massa di sini hari ini.

Kadir berkata selain perayaan berbentuk hiburan dan patriotik, ia juga akan membabitkan majlis keagamaan sebagai satu cara melahirkan rasa kesyukuran.

Beliau akan berjumpa dengan kesemua tokoh agama termasuk dari kalangan paderi, sami dan ulama untuk membincangkan kaedah yang sesuai untuk melahirkan rasa syukur berdasarkan kepada amalan keagamaan masing-masing.

Kemuncak bulan itu ialah penantian detik 12 malam serta perarakan kemerdekaan di Shah Alam yang akan menerima sentuhan baru.

Penutup bagi bulan itu akan dibuat pada 16 Sept depan tetapi yang penting ialah dalam masa sebulan itu, negara akan dipenuhi dengan "Jalur Gemilang" dan ini merupakan sebahagian daripada kempen mengibarkan bendera itu secara besar-besaran.

-- BERNAMA  
SLR AHH LAT